

04/06/1997

Universiti multimedia perlu mempunyai 2,000 pelajar

KEMENTERIAN Pendidikan diminta mengambil 2,000 pelajar dari seluruh negara untuk mengikuti pengajian yang ditawarkan di universiti multimedia apabila ia ditubuhkan selepas dua tahun.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata permintaan itu dibuat sendiri oleh Perdana Menteri yang mahukan pengambilan pelajar di universiti swasta itu perlu mencecah 2,000 orang dalam tempoh berkenaan.

"Kita akan memastikan hasrat Perdana Menteri itu tercapai dan kini sebuah konsortium kontraktor dilantik untuk memulakan kerja pembinaan universiti berkenaan.

"Kerja penubuhan universiti multimedia itu akan dijalankan tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini, universiti multimedia pertama yang akan ditubuhkan di bandar teknologi maklumat (IT) bersebelahan pusat pentadbiran Putra Jaya di Sepang, Selangor akan dikendalikan oleh Telekom.

"Segala urusan, termasuk peruntukan menubuhkan universiti berkenaan akan dibiayai sepenuhnya oleh Telekom, manakala urusan pentadbiran dijalankan oleh Universiti Telekom (Unitele)," katanya kepada pemberita selepas berucap di Persidangan Strategi Rantau Asia Pasifik Menuju Alaf Baru, di Subang Jaya, semalam.

Turut hadir di majlis itu ialah Pengerusi Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB), Tan Sri Dr Abdul Khalid Sahan.

Kira-kira 200 peserta daripada 19 negara luar, termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Malaysia, Indonesia, Taiwan dan Jepun menghadiri persidangan itu.

Universiti multimedia pertama di negara itu akan ditubuhkan di bandar IT bersebelahan pusat pentadbiran Putra Jaya di Sepang, Selangor yang bakal menjadi pusat pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Jawatankuasa MSC yang dipengerusikan Dr Mahathir pernah mengarahkan Kementerian Pendidikan mengambil langkah segera bagi memastikan penubuhan universiti swasta itu dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Tapak pembinaan universiti itu membabitkan kawasan seluas 70 hektar di bandar IT. Bandar IT itu akan dibangunkan sebagai sebuah bandar moden dan universiti berkenaan pula menjadi mercu tanda kepada pembangunan keseluruhannya.

Najib berkata, beliau juga akan mengadakan lawatan bulan depan untuk memastikan segala perancangan penubuhan universiti swasta itu dapat dilaksanakan mengikut jadual.

(END)